

VISI

MENGURANGKAN KADAR KEMALANGAN DI TEMPAT KERJA DAN TAPAK PEMBINAAN

MISI

MEMANTAU DAN MEMASTIKAN PEMATUHAN AMALAN TERBAIK BAGI KESIHATAN, KESELAMATAN & ALAM SEKITAR DI TEMPAT KERJA

SKOP

♦ Melaksanakan penilaian risiko, memastikan pematuhan terhadap Garis Panduan / Piawaian Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar di tapak pembinaan dan membuat penyiasatan kemalangan di tempat kerja bagi semua projek kerajaan di bawah Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan.



♦ Bekerjasama dengan Jabatan Buruh, Kementerian Kesihatan dan Jabatan Tenaga dalam melaksanakan penyiasatan terhadap kemalangan apabila dikehendaki.




HSE BULLETIN

HSE BULLETIN

BAHAGIAN KESIHATAN, KESELAMATAN & ALAM SEKITAR



UTAMAKAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN DI TEMPAT KERJA AWDA



HSE Manual – September 2012

Manual keselamatan yang dilancarkan oleh Kementerian Pembangunan ke arah pencegahan dan meminimumkan risiko kepada kesihatan, keselamatan dan alam sekitar di tempat kerja

Bahagian ini telah ditubuhkan sejak tahun 1988 yang bermatlamat untuk memantau dan meningkatkan tahap keselamatan, kesihatan dan alam sekitar di semua tempat kerja dan tapak pembinaan di bawah Kementerian Pembangunan.

Ke arah mencapai matlamat di atas, bahagian ini dengan **kerjasama** semua pihak telah melaksanakan **latihan atau kursus** yang berkaitan, **pemeriksaan** di tapak-tapak pembinaan, melakukan **penyiasatan**, bekerjasama dengan kementerian atau jabatan lain, memberi **tunjuk ajar** serta menyebarkan **maklumat**, menerbitkan **buku dan bahan rujukan** serta mengadakan **seminar** untuk semua pihak yang terlibat di dalam sector pembinaan.

Kami juga menerima laporan dan aduan berkenaan isu-isu keselamatan dari orang awam serta kementerian lain dan bersedia untuk bekerjasama dengan mana-mana pihak demi kebaikan serta keselamatan semua.

Sehingga kini, bahagian ini masih berusaha untuk meningkatkan tahap kesedaran keselamatan dan kesihatan dengan mempelbagaikan kaedah serta program yang dapat dikongsikan oleh semua pihak samada orang awam, pihak swasta dan juga pihak kerajaan.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi kami :-

BAHAGIAN KESELAMATAN, KESIHATAN & ALAM SEKITAR

Jabatan Pentadbiran dan Kewangan
Old Airport Berakas, BB3510, NBD

Tel : 238 3911 samb : 363/310/271/396
Faks : 238 3019
E-mail : hse@pwdmail.com
Website : <http://www.pwd.gov.bn>